

B521:  
MAHATHIR-PERINATAL  
(1)

1981

(43)

KUALA LUMPUR, 13 NOV. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERHARAP PROJEK PERUBATAN PERINATAL MENELAN BELANJA BERJUTA-JUTA RINGGIT YANG SEDANG DILAKSANAKAN DI SELURUH NEGARA SEKARANG AKAN MERINTIS JALAN KE ARAH PENUBUHAN PUSAT PERINATAL YANG PERTAMA DI MALAYSIA DAN DIKUTI DENGAN PEMBUKAAN LEBIH BANYAK PUSAT SEUMPAMA ITU DI TAHUN-TAHUN AKAN DATANG.

BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN MENGENAI "PERSPEKTIF DALAM PERUBATAN PERINATAL" DAN PELANCARAN PROJEK PERINATAL DI SINI HARI INI, PERDANA MENTERI MENGGESA PARA PERANCANG KESIHATAN SUPAYA MEMBERI PERHATIAN BERAT TERHADAP KEMAJUAN YANG AGAK LEMBAB DALAM USAHA MENGURANGKAN KADAR KEMATIAN BAYI YANG TIDAK CUKUP BULAN.

BELIAU MENEGASKAN WALAUPUN KADAR KEMATIAN BAYI TELAH BERKURANGAN SEBANYK 60 PERATUS SEJAK 1965, KADAR KEMATIAN BAYI YANG TIDAK CUKUP BULAN BERKURANGAN HANYA 29 PERATUS.

BAYI YANG TIDAK CUKUP BULAN IALAH BAYI-BAYI YANG DILAHIRKAN SELEPAS TUJUH BULAN DALAM KANDUNGAN DAN MATI DALAM MASA SEMINGGU SELEPAS KELAHIRAN, TERMASUK KEMATIAN SEMASA DALAM KANDUNGAN. --  
BERSAMBUNG 1225/LK

B522:  
MAHATHIR-PERINATAL 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PARA PERANCANG DAN PEMBERI RAWATAN KESIHATAN HENDAKLAH MEMANDANG BERAT KEADAAN INI.

KATANYA, PROJEK PERINATAL YANG BERTUJUAN MENGAJUI KEMAJUAN LEMBAB DALAM PRESTASI PERINATAL DI NEGARA INI HENDAKLAH MENGEMUKAKAN LANGKAH-LANGKAH BAGI MEMPERBAIKI BIDANG PERUBATAN PERINATAL DI MASA DEPAN.

BELIAU BERKATA PENCAPAIAN PERUBATAN PERINATAL KINI DIANGGAP SEBAGAI AMAT PENTING DALAM PERINGKAT PERKEMBANGAN MANUSIA KERANA APA YANG BERLAKU DALAM PERINGKAT INI MUNGKIN MENJEJASKAN TARAF KEHIDUPAN DI MASA AKAN DATANG.

KESILAPAN YANG BERLAKU SEMASA TEMPOH PERINATAL BUKAN SAHAJA BOLEH MENGAKIBATKAN KEMATIAN SEMASA KELAHIRAN DAN KEMATIAN BAYI MALAH MEREKA YANG TERSELAMAT DARI KESILAPAN ITU BOLEH JUGA MENGDAP BERBAGAI JENIS PENYAKIT OTAK DAN FISIKAL. -- BERSAMBUNG 1238/LK

B532:

MAHATHIR-PERINATAL 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA RAMALAN MENGENAI KEMUNGKINAN BERLAKUNYA KECELAKAAN DAN PENCEGAHAN YANG SEMPURNA AKAN MEMBOLEHKAN PARA PAKAR MENGURANGKAN KECACATAN YANG TIMBUL DALAM TEMPOH PERTUMBUHAN MANUSIA YANG PENTING INI.

BELIAU BERKATA PEMBANGUNAN TEKNOLOGI TELAH BEGITU PESAT DALAM BEBERAPA DEKAD YANG LALU SEHINGGA MEMBOLEHKAN PAKAR-PAKAR HARI INI MERAWAT PARA IBU DAN JUGA ANAK DALAM KANDUNGANNYA.

BELIAU JUGA BERKATA UNIT-UNIT KHAS PERLU DIBANGUNKAN BAGI MEMUDAHKAN PENDEKATAN YANG TERATUR DALAM PENGURUSAN BAYI-BAYI YANG WALAUPUN LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN TELAH DIAMBIL, DILAHIRKAN DENGAN MASALAH-MASALAH YANG MEMERLUKAN PERHATIAN SEGERA.

BELIAU BERHARAP FAKULTI PERUBATAN DI UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN AKAN MENDAHULUI DALAM USAHA MENUBUHKAN PUSAT SEUMPAMA ITU YANG MENURUTNYA MEMERLUKAN TENAGA PEKERJA PERUBATAN DAN SEPARA PERUBATAN YANG TERLATIH. --- BERSAMBUNG 1329/LK

B535:

MAHATHIR-PERINATAL 4 KUALA LUMPUR

PROJEK PERINATAL DI NEGARA INI DIBIAYAI OLEH TABUNG BANGSA-BANGSA BERSATU UNTUK AKTIVITI KEPENDUDUKAN (UNFPA) DENGAN KERJASAMA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM), KEMENTERIAN KESIHATAN DAN LEMBAGA PERANCANG KELUARGA NEGARA.

KIRA-KIRA 300 ORANG PESERTA TERMASUK PAKAR-PAKAR ANTARABANGSA MENGHADIRI PERSIDANGAN TIGA HARI ITU. --- BERNAMA 1340/LK